

TABIAT MEMBACA DI KALANGAN REMAJA LUAR BANDAR :  
SATU KAJIAN TERHADAP PELAJAR TINGKATAN DUA  
DAN TINGKATAN EMPAT DI KAWASAN LINGGI  
DAN RANTAU, NEGERI SEMBILAN

ZALENA BT. HJ. ABD. RAZAK

UNIVERSITI MALAYA  
SESI 1998 / 99

105063



105063

## ABSTRAK

Kajian ini umumnya adalah untuk mengkaji mengenai tabiat membaca bahan bacaan seperti buku cerita, buku agama, novel, komik, majalah dan suratkhabar di kalangan pelajar luar bandar. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang jenis bahan bacaan dan isi kandungan bahan bacaan yang digemari oleh pelajar, mengkaji kekerapan pelajar membaca bahan-bahan bacaan tersebut, mengetahui tujuan pelajar membaca bahan bacaan seperti buku, akhbar dan majalah, mengetahui sumber-sumber dari mana pelajar memperolehi bahan bacaan tersebut dan mengkaji adakah terdapat keutamaan dalam pemilihan bahasa bahan bacaan yang dibaca. Selain daripada itu kajian ini juga mengkaji perbezaan di antara etnik iaitu pelajar Melayu, Cina dan India dari segi pemilihan jenis bahan bacaan, isi kandungan bahan bacaan, pemilihan bahasa bahan bacaan dan kekerapan membaca bahan bacaan. Seterusnya kajian ini mengkaji daripada siapakah pelajar mendapat galakan untuk membaca dan mengetahui pandangan pelajar terhadap aktiviti membaca secara umumnya. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah di kawasan Linggi dan Rantau, Negeri Sembilan dan menggunakan 300 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan empat sekolah tersebut. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajiselidik dan maklumat dikumpulkan dengan mengedarkan borang soal-selidik yang diisikan oleh setiap responden. Maklumat yang diperolehi kemudiannya dianalisa dengan menggunakan program SPSS pada komputer. Keputusan kajian ini mendapati bahan bacaan yang paling kerap dibaca oleh pelajar ialah suratkhabar dan yang paling disukai ialah buku cerita. Jenis buku cerita yang paling digemari ialah cerita seram dan menakutkan. Sementara itu, majalah yang kerap dibaca oleh pelajar ialah majalah hiburan. Didapati juga pelajar membaca suratkhabar hampir pada setiap hari dengan tujuan untuk mengetahui perkembangan semasa. Selain itu tujuan utama pelajar membaca buku cerita ialah untuk memenuhi masa lapang. Kebanyakan pelajar menyatakan guru banyak memberi galakan kepada mereka supaya membaca. Majoriti pelajar menyatakan bahawa aktiviti membaca banyak memberikan faedah kepada mereka. Perbandingan antara etnik pula mendapati pelajar Melayu kerap membaca majalah sementara pelajar Cina dan India kerap membaca suratkhabar. Pelajar Melayu juga didapati paling suka membaca majalah dan komik manakala pelajar Cina dan India paling suka membaca buku cerita. Selain itu pelajar Melayu didapati kerap membaca majalah hiburan sementara pelajar Cina membaca majalah pendidikan dan pelajar India pula majalah sukan. Dari segi pemilihan bahasa pula didapati pelajar Melayu, Cina dan India memilih untuk membaca buku cerita, majalah dan suratkhabar di dalam bahasa ibunda masing-masing. Selain daripada itu, pelajar Melayu dan India membaca majalah dan suratkhabar dengan tujuan untuk mengikuti perkembangan semasa sementara pelajar Cina menyatakan untuk mengisi masa lapang mereka. Akhir sekali, pelajar Melayu dan India menerima galakan daripada guru untuk membaca dan pelajar Cina pula daripada ibubapa mereka.

## BAB 1

### PENGENALAN

Secara keseluruhannya, bab ini akan membincangkan beberapa perkara iaitu mengenai pengenalan terhadap tabiat dan aktiviti membaca secara umumnya dan seterusnya mengenai objektif mengapa kajian ini telah dijalankan. Kemudian bab ini juga akan menyentuh mengenai signikan kajian atau kepentingan kajian ini kepada pihak-pihak tertentu dan juga mengenai batasan-batasan yang wujud di dalam kajian ini. Akhir sekali bab ini akan menyentuh secara ringkas mengenai organisasi serta kandungan bab-bab yang seterusnya.

Menurut Aminudin (1999), membaca adalah satu aktiviti memahami apa yang tertulis ataupun tercetak di dalam suatu sumber bahan bacaan. Terdapat pelbagai bahan bacaan yang terdiri daripada buku cerita, novel, komik, majalah, suratkhabar, buku ilmiah dan buku ilmu pengetahuan. Melalui aktiviti membaca, seseorang individu itu boleh menambah ilmu di samping mempertingkatkan keupayaan minda untuk berfikir. Penguasaan dalam pembacaan adalah bergantung kepada amalan membaca berbagai-bagai bahan dalam bidang yang luas dan di tahap yang tinggi diharapkan amalan pembacaan akan membolehkan seseorang itu berbicara secara kritis dan analitis (Halimah, 1994). Aktiviti membaca juga sangat penting kepada seseorang yang akan menempuh peperiksaan. Namun begitu, ramai pelajar yang membaca untuk lulus peperiksaan sahaja dan tabiat membaca tidak

diteruskan atau dijadikan amalan seharian. Mengikut kajian, tabiat membaca di kalangan masyarakat semakin berkurangan. Secara puratanya rakyat Malaysia hanya membaca sehelai buku setahun (Aminudin, 1999).

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa pihak haruslah mengambil langkah untuk memupuk minat suka membaca di kalangan masyarakat. Ibumanya perlulah menggalakkan anak-anak membaca. Tabiat suka membaca haruslah ditanam sejak kecil lagi. Selain daripada itu, guru dan pihak sekolah juga bertanggungjawab ke atas generasi muda ini. Di sekolah, guru merupakan penggalak dan pendorong kepada pelajar untuk memupuk tabiat suka membaca.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kerajaan adalah salah satu pihak yang amat penting dalam memupuk minat membaca di kalangan masyarakat. Semenjak tahun 1980an lagi, banyak kempen membaca telah dijalankan oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat mengamalkan budaya suka membaca. Usaha yang dilakukan ini melibatkan pelbagai pihak seperti perpustakaan awam, Jabatan Pendidikan serta Dewan Bahasa dan Pustaka. Kempen Membaca dijalankan di pelbagai peringkat dengan mengadakan program seperti pesta buku, ekspos buku, Perpustakaan Bergerak, Pertandingan Bercerita, demonstrasi bagaimana memulakan perpustakaan di rumah dan juga forum-forum umum. Kerajaan juga telah mengambil langkah positif dengan mengumumkan bulan Ogos pada setiap tahun sebagai Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan. Tidak dinafikan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan ini telah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan membaca.

Di peringkat sekolah, misalnya di Negeri Sembilan usaha dilakukan oleh Pusat Sumber Pendidikan Negeri untuk memantau pengurusan Pusat Sumber Sekolah di samping mengadakan kempen seperti Kempen Galakan Membaca di sekolah seluruh Negeri Sembilan, dan mewujudkan Pertandingan Galakan Membaca di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah yang bertujuan untuk menggalakkan pelajar membaca buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk menerapkan budaya suka membaca di kalangan pelajar terutamanya dalam membaca bahan bacaan luar dari buku-buku akademik. Selain dari itu terdapat satu program yang dinamakan Program Laluan Ilmu yang wajib diadakan di sekolah iaitu di mana pada setiap hari selama 5 hingga 10 minit, semua pelajar termasuk guru dan kakitangan sekolah dikehendaki membaca pada waktu yang telah ditetapkan. Semua aktiviti seperti ini adalah bertujuan untuk mewujudkan budaya suka membaca di kalangan masyarakat terutamanya pada generasi muda seperti pelajar sekolah.

Tabiat membaca yang semakin berkurangan ini bukan sahaja di kalangan pelajar sekolah malahan juga pada orang dewasa. Tambahan pula kini terdapatnya saingen daripada media yang lain sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat dan hiburan. Media elektronik mengurangkan minat dan mengalihkan tabiat masyarakat dalam mengisi masa lapang mereka iaitu dengan gemar menonton televisyen daripada gemar membaca. Bahkan kini pengaruh internet terhadap generasi muda juga menjadikan keinginan untuk membaca semakin berkurangan (Aminudin, 1999).